



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 MEI 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Dun Teratai perlu perubahan infra dan pembangunan | 20 |
| - Harmoni meskipun berbeza ideologi | 20 |
| - Jana pendapatan kecil-kecilan | 20 |

The Star

- | | |
|---|----|
| - Congratulation Dato' Menteri Besar Selangor | 07 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 MEI 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Dun Teratai perlu perubahan infra dan pembangunan
Muka Surat	20

SH 14/5/18 M/S 20

Dun Teratai perlu perubahan infra dan pembangunan

TERATAI - Masyarakat Dun Teratai berharap isu penambahbaikan infrastruktur dan perancangan pembangunan dapat dilaksanakan oleh Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong.

Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohamad Samat berkata pihaknya sedia maklum mengenai hasrat penduduk itu dan akan mengadakan perbincangan dengan Brian Lai dalam masa terdekat.

"Perbincangan itu juga akan memberi tumpuan khusus kepada perkara penting antara perancangan pembangunan kawasan rekreasi dan gerai di Taman Saga.

"Isu utama adalah masalah status tanah, namun kita akan cuba selesaikannya dengan bantuan Brian Lai dan Kerajaan Negeri."

- Mohamad

bantuan Brian Lai dan Kerajaan Negeri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, banyak lagi isu-isu masyarakat yang masih belum selesai, ada sebahagian isu pula dalam tindakan MPAJ.

"Terdapat tiga kawasan baharu yang berada di Dun Teratai - setelah persempadanan semula iaitu, Tasek Permai, Pandan Mewah dan Pandan Indah," katanya.

Beliau berkata, masyarakat turut membangkitkan isu banjir sejak 15 tahun lalu di dalam kawasan sebuah pangsa-puri di Taman Pandan Mewah.

"Saya dan Brian Lai akan berusaha menyelesaikan masalah tersebut demi kesejahteraan masyarakat," katanya.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 MEI 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Harmoni meskipun berbeza ideologi
Muka Surat	20

S+ 14/5/18 N/S 20
Harmoni meskipun berbeza ideologi

PANDAN MEWAH - Masyarakat seharusnya mengekalkan keharmonian dan budaya saling menghormati antara satu sama lain yang menjadi teras perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini, walaupun perbezaan ideologi politik.

Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Pandan Mewah tampil sebagai ejen perpaduan yang terus berusaha memastikan kehidupan masyarakat setempat sentiasa dalam keadaan sejahtera dan harmoni setelah pembentukan kerajaan baharu.

Pengerusi Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Zon Pandan Abd Haffidz Md Noor, masyarakat seharusnya bersikap matang dalam mendukung proses demokrasi.

"Kita mahu memastikan kesejahteraan

rakyat terpelihara dalam apa juga keadaan sekali pun, ia membuktikan masyarakat lebih matang dalam berpolitik," katanya dalam program Ehsan Ramadan Ke 4 2018 KRT Pandan Mewah.

Dalam perkembangan berasangan, Abd Haffidz turut memaklumkan pihaknya sentiasa menjalankan hubungan erat dengan agensi kerajaan termasuk Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

"Masyarakat seharusnya menjayakan apa juga agenda yang telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan, selain membantu AADK dalam usaha membantu proses pemulihan bekas penagih dadah dengan aktiviti kemasyarakatan," katanya.



Abd Hafidz (duduk tengah dua kiri) bersama masyarakat serta pegawai MPAJ dan AADK.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 MEI 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Jana pendapatan kecil-kecilan
Muka Surat	20

Jana pendapatan kecil-kecilan

Projek kitar semula, kebun komuniti bantu tingkat ekonomi keluarga

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Komuniti Flat Merpati B di sini, dijangka dapat menjana pendapatan sampingan melalui amalan kitar semula, seterusnya meningkatkan ekonomi keluarga dengan mengoptimalkan penggunaan sisa pepejal sebagai sumber yang boleh memberi nilai tambah.

Sebagai contoh, sisa yang dibuang dari kawasan perbandaran adalah sisa makanan yang boleh dikompos semula dan menjadi bahan sumber yang boleh memberi nilai tambah.



Abd Hamid merasmikan Majlis Pelancaran Projek Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Pengerusi Kawasan Rukun Tertinggi (KRT) Flat Merpati B, Abd Hashim Maswadi berkata, pihaknya akan membeli sisa pepejal daripada penduduk.

"Kita akan bayar duit kepada penduduk, sisa pepejal itu pula akan dikumpulkan di pusat pengumpulan sisa pepejal yang sedang dalam pembinaan. Kita akan panggil pi-

hak berkenaan sebalum sekali untuk membeli sisa pepejal terkumpul ini," katanya.

Beliau berkata, pihak berjaya mendapatkan geran daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk melaksanakan dua iaitu projek kitar semula dan bahan kompos.

"Manakala projek bahan kompos ini akan digunakan

untuk kebun komuniti di sini, hasil daripada kebun komuniti ini boleh digunakan untuk penduduk, setebalnya boleh dijual kepada masyarakat," katanya ketika ucapan majlis pelancaran Projek Alam Sekitar dan Teknologi Hijau di Pangaspuri Merpati B, di sini, semalam.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Perbandaran

Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain, berkata, pihaknya menggalakkan penduduk untuk mengasingkan sampah.

"Sampah yang boleh dikitar semula seperti kertas, kotak, kaca dan botol, ia boleh dijual semula sebagai barang kitar semula.

"Sisa makanan pula boleh dijadikan sebagai bahan kompos,

ia juga boleh mendatangkan hasil pendapatan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menggalakkan perubahan kebun komuniti di kalangan masyarakat.

"Ada beberapa kebun komuniti di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ telah mengeluarkan hasil seperti ubi kayu, keledek, cili, kunyit, buah roselle," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14 MEI 2018 (ISNIN)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Congratulation Dato' Menteri Besar Selangor
Muka Surat	07

THE STAR, MONDAY 14 MAY 2018

Congratulations
Y.A.B. DATO' SERI
MOHAMED AZMIN BIN ALI
S.P.M.S

On the appointment as
**DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR**

On
**11 May 2018 /
25 SYAABAN 1439H**

From
The Local Councils in Selangor

Logos of local councils in Selangor:

- Bandar Baru Bangi Municipal Council
- Cheras Municipal Council
- MPAJ (Main logo)
- Gombak Municipal Council
- Kepong Municipal Council
- Setapak Municipal Council
- Subang Jaya Municipal Council
- SEPANG
- Selangor State Legislative Assembly
- Malacca State Legislative Assembly
- Port Dickson Municipal Council
- Nilai Municipal Council